

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Ibu Pejabat Pas diserbu

KUALA LUMPUR, Jumaat — Polis menyerbu Ibu Pejabat Pas di Jalan Pahang di sini dan merampas 2,063 naskhah *Al-Harakah* terbitan pertama dan kedua, Rabu lalu.

Al-Harakah adalah majalah rasmi untuk ahli-ahli Pas yang mula diterbitkan pada awal bulan lalu.

Jurucakap Kemementerian Dalam Negeri berkata, majalah itu dirampas kerana tidak mempunyai kelulusan Kementerian Dalam Negeri dan serbuan itu dilakukan setelah mendapat maklumat dari orang ramai.

Polis merampas 23 naskhah *Al-Harakah* terbitan pertama dan 2,040 terbitan kedua. Majalah itu dipercayai diedar untuk ahli-ahli Pas di seluruh Negara.

Berita Harian mendapat tahu *Al-Harakah* mula diterbitkan awal bulan lalu dan terbitan

kedua pada hari penamaan calon untuk pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Kemumim dan Selising.

Pasukan polis yang menyerbu Ibu Pejabat Pas itu juga menjumpai invoice tempat majalah itu dicetak.

Adalah dipercayai majalah itu diterbitkan oleh Dewan Pemuda Pas yang bertujuan membantu calon parti itu dalam pilihanraya kecil di Kelantan baru-baru ini.

Berita Harian juga mendapat tahu bahawa majalah itu dijual dengan harga 50 sen senaskhah kepada orang ramai, walaupun tertulis hanya ahli-ahli sahaja.

Di bawah peraturan yang ada, semua penerbitan bersiri mesti mempunyai permit khas yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Jurucakap itu memberitahu, polis akan mendakwa mereka yang bertanggungjawab di mahkamah tidak lama lagi.